

Pasukan polis anggap dapat 'durian runfuh'

UM 21 OCT 2001

KUALA LUMPUR 20 Okt. — Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyambut baik langkah kerajaan menaikkan gaji anggota-anggotanya, selain pemberian bonus dan sugu hati tahunan kepada anggota perkhidmatan awam dalam Belanjawan 2002.

Pengarah Bahagian Logistik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Datuk Ali Hanafiah berkata, pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu disifatkan sebagai sesuatu yang menggembirakan seluruh kakitangan polis.

"Apa yang diterima ini merupakan 'durian runtuh' kepada anggota bawahan kerana mereka adalah golongan yang menerima imbuhan paling kurang sebelum ini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata, polis seharusnya memanfaatkan pemberian kerajaan ini untuk mengambil langkah berijmat cermat, tambahan ketika keadaan ekonomi dunia yang semakin merosot.

Selain itu katanya, pemberian bonus, kenaikan gaji dan suguhati tahunan itu dilihat sebagai hasrat Perdana Menteri supaya kakitangan awam berbelanja dalam negara dan menjimatkan pengaliran keluar wang negara.

"Diharapkan rakyat dapat menyahut saranan Dr. Mahathir untuk membantu pertumbuhan ekonomi negara biarpun dunia dilanda kemerosotan ekonomi ketika ini," ujar beliau.

Belanjawan 2002 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri semalam memberi bonus setengah bulan gaji atau minimum RM1,000 kepada semua kakitangan awam dan kenaikan gaji sebanyak 10 peratus kepada semua kakitangan awam termasuk polis dan tentera.

Selain itu, sugu hati tahunan sebanyak RM400 hingga RM520 juga diberikan kepada pegawai dan anggota sukarela dalam pasukan tentera, polis dan pertahanan awam mulai 1 Oktober lalu.

Ali memberitahu, usaha ini juga membuktikan kesungguhan dan keikhlasan kerajaan mengiktiraf tugas polis "dan pasukan penguat kuasa di negara ini yang sentiasa berada di barisan hadapan dalam apa jua keadaan.

"Dalam keadaan dunia sekarang yang tidak menentu, iaitu apabila wujudnya pelbagai krisis dan pergolakan, pihak penguat kuasa termasuk polis memainkan peranan penting dalam menjaga keamanan negara," ujar beliau.